

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)9

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERTAM
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

9. Apakah Perancangan pihak Majlis Agama Islam untuk Bangunan Majlis Agama Islam di Bertam yang telah siap tersergam indah tanpa penghuni? Bangunan ini telah siap dibina namun tiada aktiviti yang dijalankan di sini. Jika ini dibiarkan, ia merupakan satu pembaziran.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Mengenai status terkini ruang untuk penyewaan di bangunan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di Bertam, MAINPP telah mengeluarkan tawaran kepada agensi *National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)* Wilayah Utara, Pulau Pinang untuk menyewa keseluruhan ruang di bangunan tersebut melalui surat tawaran bertarikh 20 Disember 2019. Melalui rundingan, MAINPP telah bersetuju memberi pertimbangan untuk membenarkan agensi NIOSH memasuki premis mulai Jun 2020 ini sementara proses pengubahsuaian bangunan tersebut disiapkan.